

Kerajaan bina tembok penghalang air menelan kos RM3 juta

Masalah banjir Sungai Batu selesai

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHAMED
NOR

luqman.ridhwan@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Masalah banjir yang sering melanda Kampung Kasipillay berdekatan Jalan Ipoh bakal berakhir selepas pembinaan tembok penghalang air yang baharu di Sungai Batu di sini tidak lama lagi.

Ketua UMNO Bahagian Batu, Datuk Yahaya Mat Ghani berkata, pembinaan tembok kira-kira satu kilometer itu akan dimulakan pada 15 Oktober ini di bawah pengawasan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Jelasnya, struktur tersebut melibatkan enam pakej atau binaan tembok, akan dibina bermula dari Sungai Batu berdekatan kampung berkenaan dan berakhir di Pusat Dagangan Du-

nia Putra (PWTC).

“Enam tembok yang akan dibina itu berupaya untuk menghalang banjir yang sering berlaku di kawasan berkenaan serta beberapa lagi tempat lain seperti Taman Golden dan Taman Kolam Air Sentul.

“Jika berjalan lancar, tembok baharu yang memakan kos kira-kira RM3 juta untuk dibina itu akan disiapkan dalam masa dua hingga tiga bulan atau pada Disember ini,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, Yahaya bersama Ketua Penerangan Parti Progresif Rakyat, Datuk A. Chandrakumanan serta wakil dari JPS mengadakan lawatan ke tapak kawasan pembinaan tembok tersebut.

Difahamkan, banjir yang berlaku sekurang-kurangnya lima kali seta-

hun di situ menjejaskan kira-kira 500 orang penduduk ataupun 100 buah rumah di sekitar kawasan berkenaan dengan jumlah kerugian yang dianggarkan adalah antara RM5,000 hingga RM10,000.

Tambah Yahaya yang juga Ahli Lembaga Penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, satu banciaan akan dibuat bagi mengenal pasti jumlah penduduk yang bakal terjejas sementara berikutan projek berkenaan.

“Buat masa ini, kita anggarakan dalam 200 penduduk akan berhadapan dengan kesukaran sementara kerja-kerja pembinaan ini dijalankan.

“Malah, sekiranya timbul isu pengambilalihan tanah persendirian, pihak kerajaan akan memaklumkan pemiliknya terlebih dulu dan tidak akan meneruskan projek itu tanpa pengetahuan pihak berkenaan,” katanya.



YAHAYA (dua dari kanan) bersama Chandrakumanan (kanan) semasa melawat tapak pembinaan tembok penghalang Sungai Batu di Jalan Ipoh. Kuala Lumpur semalam.